




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 di negeri ini adalah sebanyak 381 kes. Jumlah kumulatif ialah sebanyak 23,095 kes. Hari ini tiga (3) kes kematian dicatatkan iaitu dua (2) di Daerah Sandakan dan satu (1) di Semporna. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 566 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital. Manakala, seramai 2,404 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 685 orang di hospital dan 1,719 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 64 orang dan 20 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kunak bertukar dari zon jingga ke zon kuning.

- 4 Pada hari ini, terdapat dua (2) kluster baharu iaitu:
  - (i) Kluster Plaza di Daerah Kota Kinabalu sebanyak 12 kes berkaitan dengan pekerja tapak pembinaan *The Shore* ; dan
  - (ii) Kluster Jalan Kalabakan di Daerah Tawau sebanyak 22 kes juga berkaitan dengan pekerja tapak pembinaan.
- 5 Daripada 381 kes positif COVID-19 hari ini, sebanyak 129 kes (33.86%) adalah dari Daerah Tawau, Kota Kinabalu dan Sandakan yang berpunca dari saringan kontak rapat. Selebihnya iaitu 252 kes adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,010 katil. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah sebanyak 5,611 katil menjadikan jumlah keseluruhan 6,621 katil. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 36.31%.

**B. PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI PENEMPATAN TELIPOK DAN KG NUMBAK, KOTA KINABALU**

- 1 Atas nasihat serta penilaian risiko yang dijalankan oleh KKM, mesyuarat bersetuju melaksanakan PKPD di Penempatan Telipok dan Kg Numbak, Kota Kinabalu berkuat kuasa **16 November 2020 (jam 12.00 tengah malam) sehingga 29 November 2020**.
- 2 SOP PKPD ini sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Kedai runcit dibenarkan beroperasi dari jam 6.00 pagi sehingga jam 6.00 petang, pasar dibenarkan beroperasi selama dua (2) kali seminggu bermula 6.00 pagi sehingga 2.00 petang bagi memberi peluang kepada penduduk membeli barang keperluan asas.
- 3 Selain itu, seorang wakil daripada setiap keluarga dibenarkan untuk keluar daripada kawasan PKPD untuk mengeluarkan duit daripada mesin ATM / Bank dengan kebenaran oleh pihak PDRM yang membuat kawalan di jalan keluar masuk utama di kedua-dua lokaliti tersebut.

**C. BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

- 1 Pengagihan bantuan bakul makanan (*food basket*) kepada golongan sasar berjalan lancar. Sehingga hari ini, sebanyak **169,345** bakul makanan telah diagihkan.

**D. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sebanyak 72 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 48,557 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 139 buah kenderaan diarah berpatah balik manakala 18 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 74 hebahan melalui kereta peronda. Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 97.8%.
- 2 Tiga Daerah mencatatkan kadar pematuhan yang tinggi ialah Kinabatangan (99%), Sipitang (99%) dan Beaufort (98.5%). Manakala daerah yang mencatatkan kadar pematuhan yang terendah ialah Kota Belud (96%) dan Ranau (96%).
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 31 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 18 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 4 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di empat (4) premis di dua (2) buah daerah iaitu Semporna dan Tawau.
- 5 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 22 lokasi di tiga (3) buah daerah. Hebahan dibuat dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Mandarin, Bahasa Kadazan dan Bahasa Bajau.

Kerjasama padu daripada semua pihak amat penting dalam usaha untuk memutuskan rantaian COVID-19 dengan mematuhi SOP yang sedang berkuatkuasa dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian.

Masyarakat juga dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe  
#workfromhome  
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**

15 November 2020